B 8469 AAB
MAHATHIR-TAWARAN 9999

KUALA LUMPUR, 30 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYATAKAN BAHAWA TAWARANNYA KEPADA DATUK MUSA HITAM DAN TENGKU RAZALEIGH HAMZAH UNTUK MENYERTAI KABINET ADALAH TANPA SYARAT.

BELIAU MEMBERITAHU SIDANG AKHBAR SELEPAS PERHIMPUNAN AGUNG UMNO, DI SINI, BAHAWA TAWARAN ITU TIDAK MEMPUNYAI TEMPOH MASA DAN BERHARAP MEREKA AKAN MENERIMA PELAWAAN ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA SOAL MEMPELAWA KEDUA-DUA BEKAS PEMIMPIN UMNO ITU TELAH DIBINCANGKAN DENGAN TIMBALANNYA ENCIK GHAFAR BABA SEBELUM PERHIMPUNAN ITU DAN MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAINYA HARI INI.

BELIAU MENGAKUI BAHAWA PERKARA TERSEBUT BELUM DIBINCANGKAN DENGAN ANGGOTA-ANGGOTA KABINET DAN MAJLIS TERTINGGI UMNO SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA SOAL PERLANTIKAN ANGGOTA KABINET ADALAH HAKNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI.

SURAT AKAN SEGERA DIKELUARKAN KEPADA DATUK MUSA, BEKAS TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN TENGKU RAZALEIGH, BEKAS MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN.

--LAGI
1936MST 30 10 88

B 8475 AAB
MAHATHIR-TAWARAN 2 KUALA LUMPUR 9999

PENGUMUMAN MENJEMPUT DATUK MUSA DAN TENGKU RAZALEIGH MENYERTAI KABINET DIBUAT OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO DI AKHIR PERHIMPUNAN YANG DIHADIRI OLEH 1,545 ANGGOTA PERWAKILAN DAN 2,162 PEMERHATI RASMI DARI SELURUH NEGARA.

BELIAU MENJELASKAN KEPUTUSAN MENJEMPUT MEREKA MENYERTAI KABINET SEBAGAI MENTERI TAK BERPORTFOLIO BERTUJUAN UNTUK MENGHASILKAN PERPADUAN DI KALANGAN SELURUH ANGGOTA UMNO DAN ORANG MELAYU SERTA UNTUK MENAMATKAN SAKI-BAKI PERSELISIHAN DAN SENGKETA.

BELIAU JUGA MENJELASKAN BAHAWA TAWARAN KEPADA KEDUA-DUA TOKOH UNTUK MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN BELIAU DAN ENCIK GHAFAR TETAP TERBUKA.

BELIAU MENGAMBIL KEPUTUSAN MENJEMPUT DATUK MUSA DAN TENGKU RAZALEIGH MENYERTAI KABINET KERANA ADANYA DAKWAAN BAHAWA PELAWAAN MENGADAKAN PERTEMUAN SEBELUM PILIHAN RAYA KECIL PARIT RAJA DI JOHOR, PADA 20 OKT. LALU KONONNYA AKIBAT PERASAAN KELEMAHAN WALAU PUN TAWARAN TERSEBUT DIBUAT SECARA IKHLAS.

KATANYA, SOAL SAMADA KEDUA-DUA TOKOH PERLU MENYERTAI UMNO SEBELUM MENYERTAI KABINET, BOLEH DIBINCANG KEMUDIAN. --LAGI
1951MST 30 10 88

0666

B B487 AAB

MAHATHIR-TAWARAN 3 KUALA LUMPUR ???

MENJAWAB PERTANYAAN PEMBERITA PERDANA MENTERI BERKATA SOAL ROMBAKAN KABINET TIDAK TIMBUL KERANA KEDUA-DUA TOKOH DITAWARKAN JAWATAN MENTERI TAK BERPORTFOLIO.

SOAL TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB YANG AKAN DIBERIKAN KEPADA MEREKA BOLEH DIBINCANGKAN DAN MENEGASKAN BANYAK KERJA YANG PERLU DILAKSANAKAKAN.

TAWARAN ITU HANYA UNTUK DATUK MUSA DAN TENGKU RAZALEIGH SAHAJA DAN BELIAU TIDAK BERCADANG MENJEMPUT TOKOH-TOKOH LAIN MENYERTAI KABINET.

+KITA TIDAK BOLEH ADA KABINET YANG BESAR SANGAT, (TAMBAHAN) KEDUA-DUA INI PUN SUDAH CUKUP BESAR,+ KATANYA.

DITANYA SAMADA BELIAU DAPAT BEKERJASAMA DENGAN KEDUA-DUA TOKOH YANG TELAH MENGECILKAN HATINYA DENGAN PELBAGAI TUDUHAN TERHADAP KEPIMPINANNYA,

BELIAU BERKATA YANG BELIAU BOLEH BEKERJASAMA DENGAN SESIAPA PUN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEMASA DATUK MUSA MELETAKKAN JAWATAN SEBAGAI TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN TIMBALAN PRESIDEN UMNO, BELIAU TELAH MENYATAKAN KESANGGUPAN MENERIMANYA SEMULA DAN DAPAT BEKERJASAMA APABILA DATUK MUSA KEMBALI SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN PARTI.--LAGI

2017MST 30 10 88

B497

R AAB

MAHATHIR-TAWARAN 4 KUALA LUMPUR ? ? ?

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA WALAU PUN UMNO KINI KUKUH TETAPI TAWARAN ITU DIBUAT DEMI PERPADUAN ORANG MELAYU.

MENJAWAB SOALAN SETERUSNYA SAMADA KEDUA-DUA TOKOH DAPAT MENERIMA PELAWAANNYA MEMANDANGKAN BELIAU SENDIRI TELAH MEMBIDAS TENGKU RAZALEIGH DAN DATUK MUSA PADA PERHIMPUNAN ITU, PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH SUKAR BAGINYA UNTUK BERDIAM DIRI SEDANGKAN SELURUH PARA PERWAKILAN MEMBINCANGKAN SOAL ITU.

PARTI PAS DAN GERAKAN, SEBELUM MENYERTAI KERAJAAN BARISAN NASIONAL PERNAH MEMBUAT KECAMAN YANG PEDAS TERHADAP KERAJAAN DAN KERAJAAN JUGA MEGECAM MEREKA TETAPI KEADAAN BERLAINAN APABILA PARTI-PARTI ITU MENYERTAI KERAJAAN.

DEMIKIAN JUGA DENGAN PARTI-PARTI LAIN SEPERTI PARTI RAKYAT BERSATU SARAWAK (SUPP) YANG TURUT MENGHENTAM KERAJAAN SEMASA MENJADI PEMBANGKANG DAN KINI PENGERUSINYA DATUK AMAR STEPHEN YONG BERADA DALAM KABINET, KATANYA.

DITANYA SAMADA BELIAU BERCADANG UNTUK MEMANGGIL PRESIDEN MCA DATUK DR. LING LIONG SIK DARIPADA PERCUTIANNYA UNTUK BERTUGAS SEMULA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERKARA ITU TIDAK PERLU.

SEBENARNYA, KATA BELIAU TIADA ADA MASALAH BESAR YANG DIHADAPI UMNO DENGAN MCA DAN JIKA ADA PUN HANYA PERKARA KECIL SAHAJA. --LAGI

2340MST 30 10 88

B500
R AAB
MAHATHIR-TAWARAN 5 KUALA LUMPUR ß ß ß

APABILA DITANYA SAMADA BELIAU DAPAT MENGESAH ATAU MENAFIKAN DAKWAAN DATUK MUSA DI HONG KONG BAHAWA BELIAU AKAN MENGADAKAN PILIHAN RAYA MENGEJUT MENJELANG APRIL TAHUN DEPAN, PERDANA MENTERI BERKATA:

+MENGAPA HARUS SAYA ADAKAN PILIHAN RAYA KERANA KEDUDUKAN SAYA TEGUH SEKARANG. SAYA MEMPUNYAI 130 ANGGOTA DI PARLIMEN.+

MENGENAI KEPUTUSAN PILIHAN RAYA KECIL PARIT RAJA, BELIAU BERKATA KEPUTUSAN MAJORITI KECIL PENGUNDIAN TIDAK MENUNJUKKAN KEADAAN SEBENAR.

KATANYA, BELIAU SENDIRI MEMPEROLEHI KEMENANGAN JAWATAN PRESIDEN PADA TAHUN LALU HANYA DENGAN KELEBIHAN 43 UNDI.

TETAPI SOKONGAN YANG DITERIMANYA SEKARANG ADALAH PADU TERMASUK DARIPADA MEREKA YANG DULUNYA DALAM KUMPULAN YANG MENENTANGNYA.--BERNAMA
2346MST 30 10 88